



SIARAN MEDIA

WORLD URBAN FORUM SESI KE-11 (WUF 11)
Katowice, Poland : 26 – 30 Jun 2022

AGENDA MALAYSIA BERDAYA HUNI MENEPATI MATLAMAT PEMBANGUNAN SEJAGAT (SDG) DAN AGENDA PERBANDARAN BAHARU (NUA)

KATOWICE, POLAND, 28 JUN 2022 – YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengetuai delegasi Malaysia ke persidangan antarabangsa - **World Urban Forum Sesi ke-11 (WUF11)** selama lima hari, bermula 26 hingga 30 Jun 2022. Bertemakan '**Transforming Our Cities, For A Better Urban Future**', WUF11 merupakan sebuah forum antarabangsa yang dianjurkan oleh UN Habitat setiap dua tahun dan merupakan satu platform antarabangsa bagi bertukar-tukar pandangan dan pengalaman mengenai cabaran perbandaran.

Bersempena kehadiran delegasi Malaysia ke WUF 11, YB Dato' Sri Reezal Merican telah menyempurnakan perasmian **Pavilion Malaysia** di WUF11 serta **Majlis Pra-Pelancaran Indeks Daya Huni Malaysia (iDAM)**. iDAM telah **dibangunkan oleh KPKT melalui PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)** dengan matlamat untuk meningkatkan tahap daya huni bandar untuk mencapai kemampanan, kemakmuran dan keterangkuman bandar. iDAM merupakan suatu pengukuran tahap daya huni berimpak tinggi yang boleh memberi nilai tambah kepada perancangan pembangunan mengikut lokaliti bagi merancakkan ekonomi serta kesejahteraan negara. Pengukuran ini akan melibatkan 155 buah Pihak Berkuasa Tempatan(PBT) di negara ini yang akan dinilai untuk mendapatkan keputusan daya huni.

YB Dato' Sri Reezal Merican turut mengadakan mesyuarat dua hala bersama rakan sejawat H.E. Asseem Abdel Hamid El Gazzar, Menteri Perumahan, Utiliti dan Komuniti Bandar Mesir di Pavilion Malaysia dan membincangkan tentang potensi kerjasama yang boleh dijalinkan di antara Malaysia dan Mesir terutama berkaitan kesejahteraan dan kelestarian perancangan bandar. Turut serta di dalam perjumpaan berkenaan, PYT Dato' Chitra Devi Ramiah, Duta Besar Malaysia Ke Poland,

pegawai-pegawai kanan KPKT dan delegasi Malaysia.

YB Dato' Sri Reezal Merican seterusnya diberi penghormatan menyampaikan ucap tama di **Sesi SDGs in Action yang bertemakan “Liveability As A Vehicle Towards Achieving Urban Sustainability”**. Sesi ini membariskan ahli-ahli panel dari pelbagai latar belakang dan negara seperti Sepanyol, Nepal, Kanada serta Malaysia sendiri yang diwakili oleh Ketua Pengarah PLAN Malaysia, TPr Dr. Alias Rameli. Ia merupakan platform bagi perkongsian ilmu dan pengalaman para panel dengan fokus pemahaman konsep daya huni dalam pembinaan sebuah bandar yang sejahtera dan mampan, selaras dengan **Agenda Pembangunan Global 2030 iaitu Sustainable Development Goals (SDG) dan New Urban Agenda (NUA)**.

Semasa sesi tersebut, YB Dato' Sri Reezal Merican telah mengangkat Agenda Malaysia Berdaya Huni dan menyatakan komitmen **Kerajaan Malaysia dalam meningkatkan kesejahteraan rakyat melalui penyediaan persekitaran yang berdaya huni dan mampan, yang juga merupakan pra-syarat dalam pembangunan ekonomi negara**. Beliau turut menekankan kepentingan aspek daya huni bandar dengan melihat kepada tren perbandaran dunia, di mana 55 peratus daripada populasi dunia kini tinggal di kawasan bandar. Dalam konteks Malaysia, kadar perbandaran dijangka akan mencapai 80 peratus menjelang tahun 2030. Untuk mencapai Agenda Malaysia Berdaya Huni, beliau mengingatkan **keperluan untuk semua pihak mengkaji semula dasar dan polisi yang dirangka supaya lebih bersifat holistik dan inklusif**.

Penyertaan Malaysia dalam WUF11 merupakan usaha berterusan KPKT dalam memperkukuh agenda “*Liveable Malaysia*” atau Malaysia Berdaya Huni untuk menjamin kemampanan bandar dan kesejahteraan rakyat secara jangka panjang. Ia merangkumi penyediaan rumah yang mencukupi dan mampu milik, menyediakan perkhidmatan bandar yang berkualiti, pengurusan sisa pepejal, memastikan kesejahteraan komuniti serta perancangan bandar yang mampan di Malaysia.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT
#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Plan Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@pkt.gov.my

